



حَبَابَةُ خَالِ الْاِخْوَانِ اَكْبَرُ اِسْلَامٍ كِتَابَةٍ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

09 REJAB 1443H / 11 FEBRUARI 2022M

PRIHATIN DALAM MELAKSANAKAN PEKERJAAN

Disediakan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang **bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis** dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman **denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.**
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh **Imam Qariah** atau **Imam Rawatib** yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Sepanjang tempoh PKP, khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh **10 - 15 minit** sahaja.

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK :

PEGAWAI PENYEMAK :

AWANG JURI BIN AG TAHIR
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Pentadbiran Wilayah dan Daerah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA : 08/02/2022

DIBACA PADA : 11/02/2022

DILULUSKAN OLEH :

KHUTBAH PERTAMA
PRIHATIN DALAM MELAKSANAKAN PEKERJAAN

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

فَكُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ حَلَالًا طَيِّبًا وَاشْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ عَلَيْهِ تَعْبُدُونَ ﴿١١٤﴾
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ .

أَمَّا بَعْدُ ، يَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ .

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SWT SEKALIAN,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan melaksanakan segala suruhanNya dan meninggalkan segala laranganNya. Mudah-mudahan dengan itu, kita beroleh nikmat iman dan kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk **“PRIHATIN DALAM MELAKSANAKAN PEKERJAAN”**.

Pekerjaan merupakan sebahagian yang penting dalam kehidupan manusia. Dalam melayari bahtera kehidupan, manusia dipertanggungjawabkan untuk mencari pekerjaan bagi memenuhi kehendak manusiawi yang diperlukan bagi menampung soal makan minum, tempat tinggal, kenderaan dan sebagainya. Dalam memenuhi keperluan ini pelbagai pekerjaan yang boleh dilakukan asalkan ianya tidak bertentangan dengan syariat Islam, halal serta tidak menyalahi perundangan yang telah ditetapkan oleh pemerintah. Hal ini kerana pekerjaan juga merupakan Ibadah. Justeru itu, dalam melaksanakan apa jua pekerjaan, pembetulan niat setiap kali kita bekerja biarlah diniatkan kerana menuruti perintah Allah SWT. Rasulullah SAW bersabda **maksudnya:**

“Barangsiapa mencari rezeki halal untuk menjaga dirinya daripada meminta-minta, dan dengan tujuan memenuhi nafkah keluarga, serta supaya dapat membantu

tetangganya, nescaya dia akan datang pada hari Kiamat dengan wajahnya yang berseri-seri seperti bulan di malam purnama” (Riwayat al-Baihaqi)

Setiap pekerjaan yang dilakukan oleh seorang muslim dengan disertakan niat kepada Allah SWT maka ianya akan menjadi Ibadah. Namun, sekiranya pekerjaan yang dilakukan itu adalah haram maka hukumnya tetaplah haram. Islam tidak membenarkan sesuatu perkara yang haram dijadikan sebagai jalan kepada tujuan yang mulia. Hal ini kerana syariat Islam tidak menerima sama sekali apa jua cara untuk menghalalkan yang haram dengan kerja-kerja batil. Sebaliknya Islam mewajibkan umatnya untuk melakukan pekerjaan melalui jalan yang benar. Firman Allah SWT dalam surah an-Nahl, ayat 114:

فَكُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ حَلَالًا طَيِّبًا وَأَشْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ إِنَّ كُنْتُمْ لِعِيَاهُ تَعْبُدُونَ ﴿١١٤﴾

Maksudnya: “Oleh itu, makanlah (wahai orang-orang yang beriman) dari apa yang telah dikurniakan Allah kepada kamu dari benda-benda yang halal lagi baik, dan bersyukur lah akan nikmat Allah, jika benar kamu hanya menyembah kepada-Nya”.

SAUDARAKU MUSLIMIN YANG DIKASIHI ALLAH,

Prihatin dalam melaksanakan pekerjaan merupakan aspek penting dan menjadi pita pengukur keberhasilan dalam melakukannya. Islam mengajar umatnya agar sentiasa berusaha mengamalkan budaya kerja yang cemerlang dengan bertunjangkan iman dan akhlak. Justeru itu, kita digesa untuk sentiasa memperbaiki dan meningkatkan kualiti diri dalam melakukan pekerjaan. Hal ini kerana kita menyedari bahawa melakukan pekerjaan itu untuk memenuhi keperluan manusiawi tetapi dalam masa yang sama ianya juga merupakan amanah Allah SWT. Firman Allah SWT dalam surah at-Taubah ayat 105:

وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُّونَ إِلَىٰ عِلْمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُنبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٠٥﴾

Maksudnya: “Dan katakanlah (wahai Muhammad): Beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan RasulNya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang

Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Ia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan".

Mari kita berfikir sejenak, berapa ramai di antara kita yang memandang remeh bekerja secara sambal lewa, curi tulang, menggunakan fasiliti sesuka hati untuk kepentingan peribadi dan waktu solat yang diperuntukkan ketika waktu bekerja tidak dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya. Lantaran itu, Islam menggalakkan umatnya agar bersungguh-sungguh dalam melakukan apa jua pekerjaan. Hal ini kerana bekerja merupakan salah satu wasilah atau cara untuk memenuhi keperluan manusiawi. Imam al-Baihaqi dalam riwayatnya berkata:

Maksudnya: *"Tetapi Allah kasih kepada pekerja (yang melakukan sesuatu pekerjaan) yang apabila dia melakukan sesuatu pekerjaan hendaklah melakukannya dengan baik"* (Sunan al-Baihaqi dalam Syu'ab al-Iman, No. Hadith 4932)

JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Selain itu, keprihatinan dalam melaksanakan pekerjaan merupakan sesuatu yang diutamakan kerana dapat memupuk sikap tolong menolong dengan memudahkan urusan orang lain. Ketika kita prihatin ataupun bertanggungjawab dalam melakukan pekerjaan maka kita dapat memberi jalan kemudahan bagi kesulitan yang dihadapi oleh orang lain. Dengan itu, kita telahpun memberi perkhidmatan yang terbaik kepada mereka yang memerlukan sekaligus mendapat balasan baik daripada Allah SWT sama ada di dunia mahupun akhirat. Perkara ini ditegaskan oleh Rasulullah SAW dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim dari Abu Hurairah RA yang **bermaksud:**

"Siapa yang menyelesaikan kesulitan seorang mukmin dari berbagai kesulitan-kesulitan dunia, nescaya Allah akan memudahkan kesulitan-kesulitannya pada hari kiamat. Siapa yang memudahkan orang yang sedang dalam kesulitan nescaya Allah memudahkan baginya di dunia dan akhirat".

Justeru itu, marilah kita menghindari daripada bersikap buruk dengan menyusahkan orang lain melalui pelbagai alasan yang direka-reka. Ditambah pula, sikap suka mengambil kesempatan di atas kesulitan yang dihadapi orang lain demi mendapatkan keuntungan untuk diri sendiri, jelas perkara ini amat dilarang dalam agama. Atas kesedaran ini, marilah kita menjadi golongan yang banyak memberikan manfaat

dengan sentiasa memudahkan kesulitan orang lain dan meningkatkan keprihatinan semasa melaksanakan pekerjaan. Sabda Rasulullah SAW yang **bermaksud**: “Sebaik-baik manusia adalah yang paling bermanfaat bagi manusia”.

MASYIRAL MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Mimbar memahami bahawa untuk mengubah sesuatu perkara itu bukanlah mudah dengan masa yang singkat. Justeru itu, untuk membawa sesuatu budaya yang baik memerlukan dorongan yang kuat agar kita tidak jatuh ke dasar semula. Oleh yang demikian, mimbar menasihati agar setiap pekerjaan yang kita lakukan sama ada kita ini merupakan seorang pekerja, pelajar ataupun masyarakat biasa dalam apa jua bidang yang dikerjakan perlulah disertakan niat kerana Allah SWT. Seterusnya, sentiasa ingatkan kepada diri sendiri bahawa perubahan itu bermula dari dorongan dalam diri sendiri. Hakikatnya, kita perlulah sentiasa menginsafi diri agar dapat memperbaiki diri dari semasa ke semasa tanpa perlu berputus asa kerana dalam kesusahan dan keperitan hidup pasti ada ruang kemudahan yang bakal Allah SWT sediakan. Firman Allah SWT dalam surah al-Insyirah ayat 5-6:

فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ﴿٥﴾ إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ﴿٦﴾

Maksudnya: “Maka Sesungguhnya Bersama Kesulitan Ada Kemudahan, Sesungguhnya Bersama Kesulitan Ada Kemudahan”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ

الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ

اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ

إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تیک س خطبة کدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَعَلِّمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ
، أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ التَّابِعِينَ
وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ
الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا
كباوه دولي یغ مها مولیا سري فدوک بکیندا یغ دفرتوان آخو غ وَفَخَّامَةِ الرَّئِيسِ
الْأَعْلَى تَوَان یغ تراوتام یغ دفرتوا نکري سابه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ
بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami kesejahteraan, keamanan, keselamatan serta lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit berbahaya khususnya Covid-19.

Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami kekuatan untuk mematuhi SOP yang disediakan oleh pihak berkuasa bagi membendung penyebaran Covid-19 yang sememangnya telah berada dalam komuniti kami.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat Kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Tingkat 4, Blok A, Wisma MUIS
88737 KOTA KINABALU.



Pihak JHEAINS berusaha untuk mempertingkatkan kualiti khutbah Jumaat yang diterbitkan. Maklum balas dari pihak tuan/ puan amat dihargai. Sila semak QR code ini. Sekian, terima kasih.